



SIARAN MEDIA

UDA AGIH BUBUR LAMBUK KEPADA 3000 ORANG PENDUDUK KAWASAN KUALA PAHANG & SUMBANG KEPERLUAN ASAS KEPADA GOLONGAN ASNAF

Program Kolaborasi di antara UDA dan juga UMP

Pekan, Pahang, 12 Jun – Saban hari, semakin banyak syarikat korporat yang menyedari akan kepentingan dalam menunaikan tanggungjawab sosial mereka , dengan berkongsi sebahagian kecil daripada perolehan bersama golongan yang kurang bernasib baik .

Seumpama acara tradisi setiap tahun, di sinilah saatnya, syarikat-syarikat besar mahupun kecil menunjukkan rasa keprihatinan mereka kepada masyarakat yang memerlukan ini.

UDA Holdings Berhad (UDA), sebagai sebuah syarikat pemaju yang bertanggungjawab terhadap pembangunan bandar, yang diterajui oleh Pengerusinya, YBhg Datuk Seri Dr Mohd Shafei Abdullah, sekali lagi mengorak langkah dalam menjalankan aktiviti amal dan kebajikannya seperti yang dituntut dalam Islam.

UDA dengan kolaborasi buat julung-julung kalinya dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada tahun ini tidak melepaskan peluang dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat di bulan Ramadhan yang mulia ini dengan bergotong royong dan mengadakan pertandingan memasak 15 periuk bubur lambuk peringkat Mukim Kuala Pahang bertempat di Kuala Pahang. Program ini merupakan anjuran bersama Komuniti 1 Malaysia (K1M) bersama-sama UDA yang melibatkan agensi-agensi dan kampung di Mukim Kuala Pahang. Pertandingan memasak bubur lambuk telah bermula sewal 9.00 pagi ini telah diadili oleh chef dari Ancasa Royale, Pekan Pahang dan pemenang pertama sehingga ketiga akan membawa pulang hamper yang disediakan oleh K1M. Warga Kerja UDA dengan kerjasama para pelajar UMP serta K1M telah mengagihkan bubur lambuk kepada lebih kurang 3,000 orang penduduk sekitar Daerah Kuala Pahang, masjid-masjid

dan surau berhampiran.

Pada petangnya pula, telah diadakan Majlis berbuka puasa bersama-sama 600 siswazah UMP dan majlis ini telah diserikan lagi dengan kehadiran Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Naing Nasir Ibrahim, Pengarah Urusan UDA, YBhg Datuk Ahmad Abu Bakar serta pihak pengurusan UDA.

Selain disajikan dengan juadah berbuka puasa yang enak, pemberian sumbangan yang berupa kotak barangan keperluan asas seperti beras, gula, kopi , milo dan sebagainya telah di agihkan kepada 20 keluarga asnaf kawasan sekitar Kuala Pahang bagi meringankan beban sekaligus menggembirakan hati mereka sempena menyambut Aidilfitri yang kunjung tiba.

Menurut Pengerusi UDA ,YBhg Datuk Seri Dr Mohd Shafei Abdullah, "Program ini merupakan salah satu aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang dianjurkan secara berterusan sepanjang tahun oleh UDA bagi meringankan beban dan menimbulkan keceriaan di kalangan masyarakat yang kurang bernasib baik".

"Objektif utama program ini diadakan adalah untuk meneruskan aktiviti kemasyarakatan yang di dokong oleh UDA sejak 46 tahun kewujudannya.

"Biarpun telah melalui pelbagai pengalaman pahit manis dalam dunia korporat sepanjang tahun lalu, namun semua itu tidak menjejaskan keprihatinan dan pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat UDA kepada masyarakat terutamanya golongan yang memerlukan," katanya.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri pelancongan. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan

Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- Zetty Aqtar Abd Latiff (Zetty) | zetty.aqtar@udanet.com | +6017 900 6886
- Norazuana Abdullah (Wana) | norazuana@udanet.com | +6019 223 9153

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan
UDA Holdings Berhad
Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.
Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855